



KOPERASI GREEN SABAH BERHAD (Rcs.6/59)

**Lot B, Tingkat Satu, Wisma Green, Batu 7,
90000 Sandakan, Sabah.**

No. Tel.: 089-660991 / 014-6540991 (Whatsapp)

Email: koperasigreensabah@yahoo.com, Laman web: koperasigreen.my

PENGUMUMAN

SEMUA ANGGOTA BERDAFTAR KOPERASI GREEN SABAH BERHAD SELURUH SABAH ADALAH DIJEMPUT HADIR KE **MESYUARAT AGUNG TAHUNAN (MAT) KALI KE 27/2026** YANG AKAN DIADAKAN PADA :

TARIKH : 24 OKTOBER 2026 (SABTU)
MASA PENDAFTARAN : 6.15 PAGI – 8.45 PAGI
TEMPAT : DEWAN HAKKA, BATU 6, SANDAKAN

AGENDA MESYUARAT:

1. Memilih Pengerusi Sementara dan Setiausaha Sementara;
2. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan ke-26/2025 bertarikh 04 Oktober 2025;
3. Menimbang laporan-laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalam dan pandangan Suruhanjaya mengenai akaun-akaun teraudit dan laporan Lembaga Koperasi;
4. Menimbang dan meluluskan akaun teraudit Koperasi bagi tahun berakhir 31 Disember 2025, akaun teraudit subsidiari Koperasi, Syarikat Green Ladang Sdn. Bhd. bagi tahun berakhir 31 Disember 2025, cadangan pembahagian keuntungan dan laporan Juruaudit Koperasi;
5. Menimbang dan meluluskan bajet tahunan tambahan bagi tahun 2025, bajet tahunan tambahan bagi tahun 2026 dan bajet tahunan bagi tahun kewangan 2027;
6. Meluluskan elaun-elaun kepada Anggota-Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalam dan saraan kepada Anggota-Anggota Lembaga yang dilantik sebagai Pengarah bagi subsidiari Koperasi;
7. Meluluskan Firma Panel Audit Luaran;
8. Menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan daripada wang berlebihan Koperasi;
9. Menetapkan had maksimum keterhutangan Koperasi;
10. Mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa urusan lain Koperasi ini yang baginya suatu notis tidak kurang daripada tujuh (7) hari dan boleh dikemukakan lebih awal kepada Koperasi mengenainya;
11. Menimbang dan meluluskan apa-apa cadangan pindaan kepada Undang-Undang Kecil Koperasi ini;
12. Mendengar dan memutuskan apa-apa aduan daripada mana-mana anggota yang terkilan dengan sesuatu keputusan Lembaga, dengan syarat suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh (7) hari dan boleh dikemukakan lebih awal kepada Koperasi mengenainya;
13. Meluluskan apa-apa perbelanjaan bagi perlantikan orang-orang yang kompeten bagi membantu Jawatankuasa Audit Dalam;
14. Menimbang dan meluluskan apa-apa laporan yang hendak dikemukakan menurut kehendak Akta dan Peraturan;
15. Melantik suatu Jawatankuasa yang terdiri daripada enam orang anggota dan empat orang Anggota Lembaga termasuk Pengerusi untuk menentusahkan deraf minit Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-27/2026 bertarikh 24 Oktober 2026; dan
16. Memilih Anggota-Anggota Lembaga Koperasi Green Sabah Berhad.

Bagi agenda (10) dan (12) di atas, sebarang usul atau aduan tuan/puan hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum MAT diadakan. Sebarang usul atau aduan yang lewat diterima dari tarikh tersebut tidak akan dilayan.

Sila ambil maklum bahawa tiada dokumen MAT bercetak akan diedarkan. Semua anggota boleh memperoleh dokumen MAT secara digital melalui Sistem QR Code yang akan diedarkan semasa pendaftaran.

Elaun kehadiran dan makan MAT adalah sebanyak RM350.00. Elaun hanya akan dibayar kepada anggota yang menghadiri sepenuhnya MAT. Kerjasama tuan/puan adalah diperlukan untuk membawa bersama Kad Pengenalan semasa membuat tuntutan elaun kehadiran tersebut.

Sekian, terima kasih.

MUSA BIN SALLEH

Setiausaha

Koperasi Green Sabah Berhad